



HARI MARITIM SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2011



KEJOHANAN BADMINTON '11

Lokasi : Dewan Badminton YKH, Pelabuhan Klang

Tarikh: 1 Oktober 2011

1. Penyertaan/Sekatan Penyertaan

1.1 Acara sukan ini terbuka kepada semua kakitangan agensi-agensi Kerajaan atau Swasta di Malaysia yang terlibat dengan aktiviti maritim atau agensi-agensi yang dijemput khas oleh pihak Jawatankuasa Pengelola

1.2 Permohonan untuk turut serta dalam pertandingan ialah dengan mengisi Borang Penyertaan yang ditetapkan serta mengemukakan kepada Urusetia pertandingan pada tarikh dan masa yang ditetapkan;
1.3 Penyertaan adalah terhad untuk 16 Pasukan terawal yang mendaftar beserta yuran penyertaan sahaja;

1.4 Pemain-pemain yang bukan kakitangan sesebuah agensi tidak dibenarkan mengambil bahagian dan mana-mana pasukan yang didapati diwakili oleh pemain yang bukan terdiri daripada kakitangannya akan dibatalkan penyertaannya di dalam acara yang berkaitan dan yuran penyertaannya tidak akan dipulangkan;

1.5 Pihak Pengelola berhak mengarahkan setiap pasukan mengemukakan bukti kakitangan bagi pasukan masing-masing;

1.6 Pemain yang mewakili Negara sama ada dalam acara perseorangan ataupun pasukan di dalam pertandingan peringkat Kebangsaan / Antarabangsa yang rasmi adalah tidak dibenarkan.

2. Syarat-Syarat & Undang-Undang Permainan.

2.1 Mengikut undang-undang Badminton Malaysia; dan

2.2 Peraturan Am, Jawatankuasa Pengelola Karnival Sukan Hari Maritim Sedunia 2011.

3. Sistem Pertandingan.

3.1 Semua acara sukan akan dijalankan secara **LIGA** kecuali diputuskan sebaliknya oleh pihak Jawatankuasa Pengelola.;

3.2 Sekiranya satu pasukan mendahului pasukan lawan dengan 2 set – 0, set ke –3 tidak perlu dipertandingkan.

4. Pendaftaran Pemain.

4.1 Maksima 6 orang dan minima 5 orang (termasuk Pengurus);

4.2 Semua pemain diwajibkan bermain;

4.3 Pendaftaran Pemain untuk setiap perlawanan perlu dibuat Lima Belas (15)

minit sebelum pertandingan dijalankan.

5. Format Permainan dan Susunan Perlawanan.

TIGA (3) acara permainan akan dipertandingkan dan mengikut susunan seperti berikut :-

5.1 Perseorangan Lelaki;

5.2 Bergu Veteran lelaki 45 tahun ke atas; dan

5.3 Bergu lelaki.

Sekiranya penyertaan kurang daripada 16 pasukan format perlawanan adalah secara LIGA dalam kumpulan. Bagi penyertaan lebih daripada 16 pasukan, pertandingan akan dibuat secara perlawanan KALAH MATI (Knock Out System).

6. Pemain veteran mestilah berumur 45 Tahun dan ke atas, lahir pada tahun 1966 ke bawah dan dimestikan membawa dokumen pengesahan ianya veteran dan akan disahkan oleh pihak pengelola.

7. Pertukaran pemain tidak dibenarkan selepas borang pendaftaran pemain diserahkan sebelum pertandingan dimulakan dan Jawatankuasa Pengelola berhak menolak mana-mana pemain/pasukan yang didapati melanggar peraturan atau syarat-syarat pertandingan.

8. Mana-mana pasukan yang datang lewat selepas masa tambahan 15 minit darimasa permainan yang ditetapkan, maka pasukan itu dianggap telah memberikankemenangan percuma dan dengan sendirinya terkeluar daripada pertandingan.

9. Sebarang penangguhan perlawanan tidak akan dilayan oleh pihak Jawatankuasa Pengelola.

10. Setiap pasukan dikehendaki menyediakan DUA (2) orang Penjaga garisan yang terdiri dari pemain-pemain yang tidak terlibat dalam permainan.

11. Pakaian semasa bermain adalah pakaian sukan yang bersesuaian dengan permainan badminton.

12. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa pertandingan / Pengadil Perlawanan adalah muktamad.

13. Jawatankuasa pengelola berhak membuat sebarang pindaan atau menambah peraturan-peraturan jika dirasakan perlu.

14. PENGADILAN PERLAWANAN

15.1 Semua perlawanan akan diadili oleh pengadil yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola.

Di mana perlu, pengadil yang dilantik akan dibantu oleh pemain-pemain pasukan yang

bertanding yang tidak terlibat dalam perlawanan tersebut.

15. YURAN PENYERTAAN

Yuran penyertaan yang dikenakan bagi acara badminton adalah RM 200.00 / Pasukan.

Yuran penyertaan hendaklah dibayar melalui Cek atau Wang Pos atas nama TABUNG HARI MARITIM SEDUNIA dan dikemukakan kepada Urusetia bersama-sama Borang Penyertaan sebelum pertandingan dimulakan.

16. PERTOLONGAN CEMAS/PARAMEDIK

Pihak Pengelola akan menyediakan khidmat pertolongan cemas/paramedik dari Agensiagensi berkaitan dalam mengemukakan kes-kes kecederaan ringan semasa perlawanan dan kes kecemasan yang berlaku di tempat perlawanan.

17. BANTAHAN

17.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara rasmi menggunakan Borang Bantahan yang disediakan dan dikemukakan kepada Urusetia Kejujutan oleh Pengurus Pasukan / Ketua Kontinjen yang berkaitan tidak

lewat daripada 15 minit selepas acara selesai. Bantahan yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan;

17.2 Setiap bantahan hendaklah disertakan dengan bayaran deposit sebanyak RM 500.00

(Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) tunai. Wang deposit akan dikembalikan kepada pihak yang mengemukakan bantahan sekiranya bantahan diterima oleh pihak Panel Juri. Sekiranya bantahan ditolak oleh Panel Juri, wang deposit tidak akan dipulangkan balik kepada pihak yang membuat bantahan dan wang tersebut akan menjadi hak Jawatankuasa Pengelola; dan

17.3 Keputusan Panel Juri adalah muktamad.

HADIAH DI TAWARKAN :-

Johan	RM 1000
Naib Johan	RM700
Ketiga	RM500
Keempat	RM300

Anjuran :



SYARAT PERTANDINGAN

BOLA JARING HARI MARITIM SEDUNIA 2011

1. PENDAFTARAN

1.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua warga maritim dan agensi kerajaan berkaitan sahaja. Peserta yang bukan warga maritim dan agensi kerajaan berkaitan tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.

1.2 Yuran penyertaan yang dikenakan adalah sebanyak RM 250.00 / pasukan

1.3 Pasukan hanya dibenarkan mendaftar maksimum seramai dua belas (12) orang pemain, dan minimum sepuluh (10) orang pemain pasukan dengan menggunakan Borang yang telah disediakan.

2. FORMAT PERTANDINGAN

2.1 Masa permainan adalah 15 minit (7 + 1 + 7).

2.2 Pilihan 1 (sekiranya pasukan yang menyertai ialah enam (6) pasukan atau lebih):

2.2.1 Pusingan awal:

Pertandingan akan dijalankan secara liga dua kumpulan iaitu A dan B. Pasukan yang menyertai akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

2.2.2 Pusingan Separuh Akhir dan Akhir:

Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan ke pusingan separuh akhir. Johan kumpulan A akan bertemu dengan Naib Johan Kumpulan B, dan Johan Kumpulan B akan bertemu dengan Naib Johan Kumpulan A. Pemenang kedua-dua perlawanan tersebut akan ke pertandingan akhir manakala yang kalah pula akan menentukan tempat ketiga dan keempat.

2.3 Pilihan 2 (sekiranya pasukan yang menyertai kurang dari enam (6) pasukan):

2.3.1 Pertandingan akan diadakan secara liga di mana semua pasukan akan bertemu antara satu sama lain.

3. PERATURAN DAN UNDANG - UNDANG PERTANDINGAN

3.1 Pasukan / penukaran pemain

3.1.1 Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang pasukan tersebut dikira kalah.

3.2 Selain daripada peraturan-peraturan pertandingan yang dinyatakan, pertandingan ini tertakluk dengan Undang-Undang Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa (International Federal of Netball-IFNA)

3.3 Sekiranya terdapat percanggahan di antara terjemahan undang-undang permainan dengan undang-undang IFNA, maka undang-undang IFNA perlulah dipatuhi.

3.4 Jawatankuasa Penganjur berhak meminda atau menambah mana-mana peraturan jika difikirkan perlu.

3.5 Penentuan kemenangan - Setiap kemenangan akan diberi dua (2) mata, seri satu (1) mata, dan kalah (0) mata. Jika berlaku lebih dari satu pasukan mendapat mata yang sama, maka kaedah di bawah digunakan untuk menentukan pemenang:

- Sekiranya masih seri, pasukan yang menjaringkan gol terbanyak dikira pemenang.
- Sekiranya masih seri, pasukan yang paling kurang 'bolos' dikira pemenang
- Sekiranya masih seri juga, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya di peringkat awal dikira pemenang.

3.6 Pakaian setiap pasukan adalah seperti berikut:

3.6.1 Pakaian yang digunakan oleh setiap pasukan bertanding hendaklah seragam iaitu mempunyai corak, bentuk dan warna yang sama. Pakaian tersebut hendaklah dipakai setiap kali bermain sepanjang pertandingan ini.

3.6.2 Pemain hendaklah memakai baju/jersi dan seluar track/tight panjang.

4. BANTAHAN

4.1 Segala bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan tamat dan diajukan kepada Urusetia Kejohanan berserta wang pertaruhan sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja).**

4.2 Wang pertaruhan akan dikembalikan sekiranya bantahan diterima.

4.3 Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak.


4.4 Semua keputusan dari Panel Rayuan adalah muktamad.

4.5 Panel Rayuan adalah terdiri daripada Jawatankuasa Penganjur & Pengelola Pertandingan yang bersidang sejurus rayuan diterima.

4.6 Keputusan rayuan akan dikemukakan secara bertulis kepada pengurus pasukan yang terlibat

HADIAH YANG DI TAWARKAN

Juara	- RM 1000.00	N. Juara	- RM 800.00
Ketiga	- RM 600.00	Keempat	- RM 300.00



KEJOHANAN BOLING SUKAN HARI MARITIM SEDUNIA 2011

1) YURAN DAN PENDAFTARAN

- 1.1 Yuran pertandingan adalah sebanyak RM 200.00 bagi acara berpasukan dan RM 60.00 untuk acara perseorangan.
- 1.2 Borang Penyertaan boleh dihantar melalui faks bagi mengesahkan penyertaan kepada Urusetia Pertandingan
- 1.3 Pendaftaran dan bayaran yuran penyertaan hendaklah di bayar sebelum atau pada 30 September 2011 (Jumaat)
- 1.4 Wang penyertaan tidak akan dikembalikan sekiranya pasukan yang terlibat telah menarik diri atau tidak hadir semasa pertandingan;
- 1.5 Penganjur berhak menolak mana-mana pasukan sekiranya jumlah penyertaan telah memenuhi kuota pertandingan;
- 1.6 Tiada had penyertaan bagi setiap Jabatan / Agensi. Bagi Jabatan / Agensi yang ingin menghantar lebih dari satu pasukan hendaklah membuat pendaftaran serta membayar lebih awal dari tarikh tutup kejohanan.

2) SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

2.1 Undang-undang

- 2.1.1 Undang-undang kejohanan adalah mengikut syarat-syarat yang tertera dalam MTBC Bowling;
- 2.1.2 Sekiranya timbul perselisihan dari segi penafsiran, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dirujuk;
- 2.1.3 Segala keputusan jawatankuasa dan pertandingan adalah muktamad.

2.3 Pakaian dan Tatatertib

- 2.3.1 Semua peserta diwajibkan memakai pakaian yang bersesuaian yang lazimnya dipakai dalam sukan tenpin bowling;
- 2.3.2 Peserta lelaki dan wanita sama sekali TIDAK DIBENARKAN memakai seluar pendek, topi dan baju T tanpa kolar;
- 2.3.3 Merokok dan minuman keras semasa kejohanan adalah dilarang;
- 2.3.4 Sekiranya terdapat peserta yang melanggar peraturan di atas, penganjur berhak membatalkan penyertaan mereka dalam kejohanan ini.

2.4 Persamaan Jumlah Mata

- 2.4.1 Jika terdapat persamaan mata dalam menentukan pemenang maka pengiraan atau penentuan adalah berdasarkan mata pada 'frame' yang terakhir.

2.5 Markah

- 2.5.1 Markah yang terpapar di skrin markah setiap lorong adalah dikira sebagai markah rasmi;
- 2.5.2 Sekiranya berlaku kesilapan markah disebabkan masalah teknikal, pemain dikehendaki memaklumkan kepada 'Lane Marshall' yang dilantik oleh penganjur;
- 2.5.3 Bantahan terhadap sebarang markah hanya akan dilayan sekiranya dibuat sebelum balingan seterusnya.

2.6 Protes

- 2.6.1 Sebarang protes selain dari markah hendaklah dikemukakan secara bertulis sekurang-kurang 30 minit sebelum kejohanan bermula dan 30 minit selepas kejohanan berakhir;
- 2.6.2 Wang protes sebanyak RM 200.00 tunai dikenakan dan tidak akan dikembalikan dan dimasukkan ke dalam tabung Hari Maritim Sedunia;
- 2.6.3 AJK protes adalah terdiri daripada Ketua Pasukan setiap pasukan yang bertanding dan ketua hakim adalah pengerusi penganjur.

2.7 Penipuan

- 2.7.1 Sekiranya didapati peserta cuba menipu dengan mengubah markah di skrin markah atau menggunakan pemain yang diambil dari Jabatan atau Agensi lain, secara automatic penyertaan pasukan tersebut akan terbatal dan tidak dibenarkan untuk meneruskan permainan dan wang penyertaan tidak akan dikembalikan.

2.8 Pemain

- 2.8.1 TIDAK DIBENARKAN pemain-pemain yang mewakili peringkat kebangsaan dan negeri turut serta dalam kejohanan ini;
- 2.8.2 Kejohanan ini hanya DIBENARKAN kepada semua Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Agensi Perkapalan dan Agensi –agensi yang terbabit secara langsung dengan Maritime.
- 2.8.3 BAGI ACARA BERPASUKAN, penyertaan di buka kepada 60 pasukan, setiap pasukan terdiri daripada 3 orang pemain (3 orang pemain lelaki atau pemain wanita atau campuran);
- 2.8.4 Acara ini akan di jalankan di dalam 2 BLOK, Blok pertama 30 pasukan yang pertama akan bermain dan pasukan yang selebihnya akan bermain blok kedua;
- 2.8.5 Setiap pemain hanya dibenarkan bermain untuk 1 pasukan sahaja. Pemain mestilah berkhidmat di dalam satu Jabatan, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun atau Agensi Swasta yang sama. Pemain-pemain **IMPORT** tidak dibenarkan. (Rujuk para 2.7.1)
- 2.8.6 Minima 2 pemain sahaja yang dibenarkan bertanding. Sekiranya satu pemain tidak hadir maka pemain di dalam satu pasukan tersebut akan bermain 2 pemain dengan satu 'BLIND SCORE' 120 jatuhan pin pada tiap-tiap 'game'
- 2.8.7 BAGI ACARA PERSEORANGAN, penyertaan dibuka kepada 90 orang pemain.
- 2.8.8 Pemain wanita TIDAK diberi handicap.
- 2.8.9 Ketua Jabatan atau Majikan hendaklah membuat **AKUAN PENGESAHAN** bahawa pemain-pemain yang menyertai kejohanan ini adalah pekerja mereka di dalam borang penyertaan yang dikembalikan.



HADIAH SEHINGGA TEMPAT KE 30 BAGI ACARA PERSEORANGAN !!!!!

JOHAN PERSEORANGAN	RM 1,000.00
NAIB JOHAN	RM 500.00
KE TIGA	RM 250.00

ACARA BERPASUKAN HADIAH SEHINGGA TEMPAT KE 20

JOHAN BERPASUKAN	RM 1,200.00
NAIB JOHAN	RM 600.00
KETIGA	RM 400.00

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN/PENYERTAAN

1. Penyertaan terbuka kepada warga maritim sahaja yakni yang terlibat secara langsung dengan industri perkapalan nasional.
2. Bilangan penyertaan adalah terhad kepada 16 pasukan sahaja. Kategori permainan dart mengikut pasukan adalah seperti berikut:

Kategori A = Perseorangan (501) – 3 set
 Kategori B = Bergu - 2 orang (501) – 3 set
 Kategori C = FourSome – 4 orang (1001) – 1 set

3. Yuran penyertaan adalah sebanyak RM 200.00 bagi satu pasukan. Setiap pasukan boleh menghantar minimum 4 pemain dan maksimum 5 pemain.
4. Undian akan dijalankan selepas tamatnya sesi pendaftaran pasukan. Wakil bagi setiap pasukan terbuka samada antara pemain itu sendiri ataupun pasukan melantik seorang pengurus pasukan.
5. Setiap pengurus pasukan perlu menandatangani BORANG PERSETUJUAN RISIKO (Lampiran A) dan menghantar semasa pendaftaran peserta dijalankan.

PERATURAN ASAS PERMAINAN / PENGADILAN

1. Peraturan asas permainan adalah mengikut peraturan in-house dart yang biasa.
2. Setiap kategori akan diadili oleh pengadil jemputan (4 orang pengadil termasuk seorang ketua pengadil)
3. Pengiraan Mata:
 - o Kategori A dan Kategori B akan bermain 3 set. Kategori C akan bermain 1 set.
 - o Permainan adalah secara kalah mati.
 - o Pemarkahan:
 - Kategori A – Kemenangan 3 set = 1 mata
 - Kategori B – Kemenangan 3 set = 1 mata
 - Kategori C – Kemenangan 1 set = 2 mata
 - o Hanya dart yang melekat pada dart board sahaja yang dikira mata setelah ketiga-tiga dart dibaling.
 - o Seseorang pemain tidak di benarkan mencabut dart dari dart board sehingga Chalker selesai membuat kiraan.
4. Kaedah penentuan untuk pasukan mana yang memulakan balingan dahulu akan ditentukan dengan wakil pasukan masing-masing bagi suatu perlawanan itu membalik dart ke arah Bull's Eye. Dart yang paling hampir/tepat dengan Bull's Eye bermakna pasukan tersebut akan memulakan permainan dahulu.

HADIAH :-

Johan	RM500.00
Naib Johan	RM350.00
Ketiga	RM200.00
Keempat	RM150.00
Kelima - Kelapan	Hamper RM50.00

5. Setiap pasukan boleh membuat bantahan secara bertulis dengan menyertakan wang cagaran bantahan sebanyak RM 300.00, tidak lewat dari 30 minit selepas permainan yang dibantah itu tamat.
6. Bantahan akan didengar oleh Jawatankuasa Sukan & Riadah Hari Maritim Sedunia Peringkat Kebangsaan 2011. Keputusan jawatankuasa ini adalah muktamad.
7. Sekiranya bantahan atau rayuan itu benar dan diterima oleh Jawatankuasa, maka wang cagaran itu akan dikembalikan dan satu keputusan akan dibuat oleh pihak penganjur berhubung dengan rayuan atau bantahan tersebut. Wang cagaran akan hilang dan menjadi hak penganjur sekiranya rayuan atau bantahan ditolak oleh Jawatankuasa.

PERKARA LARANGAN

1. Pemain tidak di benarkan meninggalkan gelanggang pertandingan kecuali dengan kebenaran pengadil.
2. Memakai selipar dan seluar pendek tidak di benarkan semasa pertandingan. Semua ketua pasukan adalah diminta memastikan semua pemain berpakaian kemas.
3. Semua pemain tidak di benarkan menghisap rokok, membawa atau mimun minuman keras semasa pertandingan di jalankan.
4. Semasa pertandingan di jalankan telefon bimbit hendaklah di tukar kepada 'vibrate mode' supaya tidak mengganggu pertandingan yang di jalankan.
5. Jawatankuasa Pengelola dengan kerjasama daripada Panel Pengadil telah di lantik berkuasa membuat sebarang keputusan yang difikirkan wajar untuk menjayakan pertandingan ini. Keputusan ini adalah muktamad.

Rakan Strategik :

